

TARIKH	AHAD, 12 MEI 2024
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	PADI BAHARU RINTANG KEMARAU
M/S	36
BIDANG	AGRICULTURE
KATA KUNCI	PADDY, UPM

**AGRO**


**Sekumpulan penyelidik Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFOs) dan Fakulti Pertanian (FP) Universiti Putra Malaysia (UPM) menuai padi varieti baharu rintang kemarau dan berkualiti tinggi yang dinamakan benih Climate Ready (CR) berskala besar di bendang Kampung Muring, Kota Bharu, Kelantan baru-baru ini.**

Penyelidiknya, Dr Zulkarami Berahim berkata, projek kajian itu adalah projek rintis pertama benih CR yang dituai dengan skala besar iaitu seluas enam hektar dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Kembo (Kada).

"Pembangunan tanaman padi iklim tersedia untuk jaminan makanan di Malaysia (Development of Climate Ready Rice for sustaining

**Jika kita lihat tali air di sini kering dan tiada air takungan untuk disalurkan ke kawasan padi, namun padi yang ditanam tetap masih hidup dan subur**

**DR ZULKARAMI**



**MUHAMMAD Husin (di dalam jentera penyuai padi) bersama pesawuh di Kampung Muring.**

Rice Food Security)

Tambahnya lagi, benih CR sangat tahan lasak, kering dan mampu hidup dalam cuaca panas melampau seperti yang berlaku di kawasan itu.

"Jika kita lihat tali air di sini kering dan tiada air takungan untuk disalurkan ke kawasan padi, namun padi yang ditanam tetap masih hidup dan subur," katanya.

Penyelidikan ini dibayai sepenuhnya

**Tambahnya lagi, benih CR sangat tahan lasak, kering dan mampu hidup dalam cuaca panas melampau seperti yang berlaku di kawasan itu.**

"Jika kita lihat tali air di sini kering dan tiada air takungan untuk disalurkan ke kawasan padi, namun padi yang ditanam tetap masih hidup dan subur," katanya.

Penyelidikan ini dibayai sepenuhnya

**Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui program Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang untuk jaminan makanan di Malaysia yang memberi tumpuan menangani isu perubahan iklim bagi tanaman padi.**

Sementara itu, ketua projek Profesor Dr Mohd Razi Ismail berkata, varieti benih ini dijangka sedia untuk dipasarkan kepada petani pada tahun hadapan.

Ini kerana perlu melalui prosedur bagi mendapatkan pengesahan varieti di bawah skim subsidi benih padi sah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi pengesahan varieti padi baharu.

"Varieti baharu padi ini masih di peringkat kajian 'penentusahaan' setempat atau Local Verification Trial (LVT) di tujuh jelapang padi utama Semenanjung Malaysia termasuk di kawasan luar jelapang di bawah pengurusan Jabatan Pertanian Malaysia.

"Kajian 'penentusahaan' setempat dilakukan untuk mendapat pengesahan

**DR Zulkarami menunjukkan sawah padi yang merekah dan kering, namun padi benih CR hasil penyelidikan UPM kekal subur**

**DR Zulkarami menunjukkan tali air sebagai tempat takungan air untuk disalurkan ke sawah padi yang kering akibat kemarau.**

dari pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bahawa varieti padi kita ini setanding dengan varieti sedia ada," katanya.

Pada masa sama, Pengurus Kada, Muhammad Husin berkata, kerjasama antara pihak UPM dan pesawuh di Kelantan memberi nafas baharu kepada pesawuh untuk mengusahakan tanaman padi seterusnya menyokong agenda keterjaminan makanan.

"Saya amat bersyukur dan seronok melihat kepada padi yang kuning

**penuh dan hidup dalam keadaan subur walaupun tali air kering hasil penanaman padi varieti CR ini.**

"Malah saya yakin hasil untuk benih padi tahan kemarau ini dapat membantu petani hadapi kemarau. Terima kasih kepada pihak UPM yang diketuai Dr Mohd Razi dan pasukan penyelidik iaitu Dr Zulkarami dan Dr Asma'a Awang di atas komitmen berterusan dalam usaha menghasilkan varieti tahan kemarau ini," katanya.

# PADI BAHARU RINTANG KEMARAU

Projek rintis pertama benih CR dituai dengan skala besar kerjasama penyelidik UPM, Kada




<b>DISEDIAKAN OLEH</b>	<b>PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM</b>
----------------------------	---